

Saham Dunlop Estates: PM setuju timbang rayuan Pemuda UMNO

KUALA LUMPUR, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini bersetuju menimbang rayuan Pergerakan Pemuda UMNO supaya Bumiputera memiliki 51 peratus saham dalam Dunlop Estates.

Rayuan itu terdandung dalam memorandum yang disampaikan oleh pergerakan tersebut kepada Perdana Menteri selaku Presiden UMNO dalam perjumpaan di pejabat

Perdana Menteri di sini. Delegasi peringkat tertinggi pergerakan itu diketuai sendiri oleh ketuanya, Datuk Haji Suhaimi Datuk Haji Kamarudin.

Datuk Haji Suhaimi yang juga Timbalan Menteri Pelajaran memberitahu pemberita selepas perjumpaan hampir dua jam itu, pergerakan tersebut menyediakan memorandum berkenaan berikutan cadangan Multi Purpose Holdings Berhad (MPHB) untuk membeli 51 peratus sa-

ham dari Dunlop Holdings.

Penyampaian memorandum berkenaan merupakan langkah terbaru /pergerakan itu bagi memastikan 51 peratus saham dalam Dunlop Estates tidak terlepas ke tangan bukan Bumiputera.

"Kita akan menerima sebarang keputusan yang diambil oleh Datuk Seri Dr. Mahathir selaku Presiden UMNO.

"Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia yakin Perdana Menteri selaku pucuk pimpinan tertinggi parti akan dapat membuat satu keputusan wajar mengenai perkara ini," katanya.

Ditanya, bila Perdana Menteri dijadual membuat keputusan mengenai rayuan tersebut, Datuk Haji Suhaimi menjelaskan: "Tidak ada waktu yang ditetapkan bagi Perdana Menteri berbuat demikian."

Mengenai perjumpaan itu, beliau berkata, agenda utamanya ialah mengenai pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) khususnya mengenai pemilikan saham Bumiputera dalam sektor syarikat.

Selanjutnya beliau berkata, Perdana Menteri menjelaskan dengan panjang lebar mengenai berbagai usaha kerajaan untuk memastikan pencapaian segala matlamat DEB menjelang 1990.

"Pergerakan Pemuda UMNO berpuashati dengan penjelasan yang disampaikan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir khususnya mengenai usaha kerajaan berhubung dengan pencapaian segala-gala yang kita cita-citakan di bawah DEB," tambahnya.

Datuk Haji Suhaimi juga berkata, Perdana Menteri bersetuju mengadakan pertemuan dengan pergerakan tersebut untuk membincangkan berbagai perkara di masa akan datang.

"Kita amat gembira kerana Datuk Seri Dr. Mahathir bersetuju menerima Pergerakan Pemuda UMNO pada bila-bila masa sahaja," jelasnya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia